

06 APR, 2021

## Kerajaan perlu kaji kenaikan harga barang binaan

Utusan Malaysia, Malaysia



# Kerajaan perlu kaji kenaikan harga barang binaan



SHAHIDAN KASSIM

**ARAU:** Kenaikan harga barangan asas binaan khususnya besi dikatakan sangat keterlaluan sehingga membebankan golongan kontraktor yang terpaksa menanggung kerugian besar.

Sehubungan itu, Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa kerajaan mengkaji semula harga barangan binaan yang melambung cukup tinggi.

Katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, sebagai contoh, harga

sebatang besi dari RM16 naik mendadak sehingga RM32 selain barangan asas pembinaan lain seperti pasir dan bata yang turut mengalami kenaikan.

"Saya minta kerajaan memperjuangkan isu ini (kenaikan barangan asas pembinaan) dan perlu segera mengkaji semula harga ini. Antaranya besi melambung cukup tinggi, sangat tidak logik harga seperti itu.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga perlu melihat perkara ini. Ia bukan perkara

main-main," katanya di sini semalam.

Isu kenaikan barangan asas pembinaan itu pernah dibangkitkan sebelum ini namun masih tidak ada jalan penyelesaian dengan para kontraktor terus tertekan.

Selain membebankan kontraktor kelas F, kenaikan itu turut memberi kesan lebih besar kepada golongan kontraktor G7 yang sebelum ini mendakwa mengalami kerugian mencecah jutaan ringgit berikutan masalah tersebut.

Tambah Shahidan, para kon-

traktor menghadapi masalah besar berikutan kenaikan tersebut memandangkan harga bagi kerja-kerja pembinaan pula tidak berubah.

"Contoh kontraktor buat bilik air. Dulu sekitar RM3,000 sahaja, sekarang boleh mencecah RM6,000. Harga pembinaan itu masih tidak berubah sedangkan barangan naik.

"Bagaimana nasib kontraktor kalau masalah kenaikan barangan itu terus berlarutan. Sesuatu mesti segera dilakukan bagi menyelesaikan masalah ini," katanya.